

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[ HULU LANGAT]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Dr. Che Rosli bin Che Mat [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kejayaan teknologi perubatan dan peranti moden dalam merawat dan mengawal berbagai jenis kes barah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Penyakit kanser merupakan penyebab keempat utama kematian di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Setiap tahun dianggarkan terdapat 33,500 kes baru penyakit kanser yang memerlukan rawatan di negara ini. Perawatan penyakit kanser melibatkan beberapa disiplin iaitu pembedahan, perkhidmatan kemoterapi serta radioterapi dan onkologi.

Semua hospital utama KKM menyediakan perkhidmatan rawatan kanser termasuk perkhidmatan kemoterapi. Bagi memastikan perkhidmatan yang berkesan dan sumber-sumber dapat dioptimalkan maka perkhidmatan rawatan radioterapi bagi penyakit kanser dilaksanakan secara berpusat (*regional*) mengikut wilayah iaitu wilayah utara, tengah selatan, timur, Sabah dan Sarawak.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Rawatan awal penyakit kanser akan diberikan oleh pakar-pakar dalam bidang kepakaran tertentu bergantung kepada lokasi dan organ yang terlibat. Pesakit akan dirujuk kepada Pakar Onkologi untuk rawatan seterusnya bergantung kepada jenis kanser serta tahapnya. Pesakit diberikan kombinasi rawatan menggunakan kaedah rawatan radioterapi, kemoterapi, *hormonal therapy* dan *targeted therapy*.

Rawatan peranti radioterapi menggunakan sinar x atau radiasi terdapat di enam (6) buah hospital KKM, empat (4) buah hospital-hospital universiti dan lebih kurang 12 buah hospital swasta di seluruh negara. Setiap hospital ini dilengkapi dengan mesin-mesin rawatan *linear accelerator* untuk merawat kanser. Institut Kanser Negara dilengkapi dengan 3 buah mesin *linear accelerator (high-end)* dan sebuah mesin *tomotherapy* yang berteknologi tinggi setanding dengan di negara-negara maju. Perawatan kanser di negara ini telah diiktiraf oleh *International Atomic Energy Agency (IAEA)* dan menjadikan Malaysia sebagai salah sebuah *Regional Training Centre* bagi negara-negara di rantau Asia Pasifik.

Selain itu, pesakit turut dirawat dengan menggunakan ubat-ubatan kemoterapi, hormon-hormon tertentu dan *targeted therapy*. Ubat kemoterapi ini adalah ubat yang mahal dan perlu dikawalselia oleh Pakar Onkologi dari hospital rujukan tertuari mengikut garis panduan "*National Chemotherapy Protocol Guidelines*".

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2016  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA  
SAMARAHAN ]  
[BN-PBB]**

**TARIKH** : **19 MEI 2016**

**SOALAN** : **25**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah keberkesanan pelatih-pelatih yang mengikuti kursus di GIATMARA dapat menjana pendapatan yang sama taraf dengan orang berkemahiran yang mengikuti kursus di tempat pengajian tahap tinggi dalam melahirkan masyarakat yang berkualiti tinggi dalam industri terutamanya di Sarawak.

## **JAWAPAN**

Yang Di-Pertua,

GIATMARA menyediakan peluang kepada anak muda Bumiputera mengikuti latihan kemahiran teknikal dan vokasional di 231 GIATMARA seluruh negara. GIATMARA bukan sahaja melahirkan pelatih yang berkemahiran, memiliki sahsiah diri terpuji tetapi juga melahirkan pelatih yang mampu menjana pendapatan tinggi melalui bidang keusahawanan.

Dari RMKe-9 hingga RMKe-10, GIATMARA telah melahirkan seramai 11,582 orang usahawan *teknopreneur* dari kalangan lepasan pelatih GIATMARA dalam pelbagai bidang melalui beberapa program keusahawanan yang dilaksanakan di GIATMARA seperti Latihan Menjana Pendapatan (LMP), Inkubator, Usahawan Bergerak (*Mobilepreneur*) dan Rintis Niaga.

Bagi negeri Sarawak, GIATMARA telah melahirkan seramai 926 orang usahawan *teknopreneur* melalui program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh GIATMARA.

Dari aspek hala tuju pelatih selepas tamat pengajian, program kerjasama bersama IPMa seperti IKM dan KKTM dilaksanakan bagi membolehkan pelajar GIATMARA melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dengan menawarkan tempat khas kepada lepasan pelatih GIATMARA.

Dengan adanya Pensijilan Sijil Kemahiran MARA (SKM) GIATMARA sehingga Tahap 3 yang mana modul pembelajaran setaraf dengan keperluan industri semasa, lepasan pelatih GIATMARA dapat menjana pendapatan sama taraf dengan mereka yang mengikuti pengajian tahap tinggi. Sebagai contoh, Kursus Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam yang ditawarkan di GIATMARA Santubong, Betong, Lubok Antu, Miri, Mukah, Selangau, Limbang dan Hulu Rejang

amat bertepatan dalam memenuhi keperluan SCORE (Samalaju di Bintulu). Manakala GIATMARA Stampin yang menawarkan Kursus Confectionary and Bakery dan juga Kursus Masakan & Pramusaji dapat memenuhi keperluan indsutri Halal Hub yang berpusat di Tanjung Manis.